

# **METAFORA AKAL, KEHIDUPAN DAN FIKIRAN DALAM BUKU *FALSAFAH HIDUP* KARYA HAMKA**

*(Metaphors of Mind, Life and Thought in Hamka's Falsafah Hidup)*

Rozaimah Rashidin<sup>1</sup>

rozai451@uitm.edu.my

Nor Umiuumairah Mohamad<sup>2</sup>

humairahmohamad19@gmail.com

Zuraidah Jantan<sup>3</sup>

zuraidah0420@uitm.edu.my

Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.<sup>1,2&3</sup>

Pengarang Koresponden (Corressponding Author): <sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (To cite this article): Rozaimah Rashidin, Nor Umiuumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113–146. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no5)

Peroleh: Received:	25/8/2022	Semakan: Revised	7/9/2022	Terima: Accepted:	13/3/2023	Terbit dalam talian: Published online:	18/4/2023
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

## **Abstrak**

Manusia cenderung untuk memanfaatkan metafora bagi menyampaikan makna implisit di sebalik penyampaian makna literal, terutamanya dalam penulisan. Pemanfaatan metafora bertujuan untuk menyampaikan sesuatu yang bersifat abstrak atau menjelaskan sesuatu konsep yang kompleks. Namun begitu, metafora yang mengandungi makna yang berlapis menyebabkan berlakunya penyalahafsisran makna. Pengguna bahasa pula tidak dapat memahami makna di sebalik ungkapan tersebut. Hal ini menyebabkan mesej yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca gagal difahami, seterusnya terjadilah kekaburuan makna dan kegagalan komunikasi. Sehubungan

dengan itu, kajian ini membincangkan penginterpretasian makna metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka berdasarkan Teori Hibrid dan analisis kandungan teks. Data kajian ini diperoleh daripada empat bab pertama buku *Falsafah Hidup*. Analisis terhadap tiga metafora ini menghasilkan beberapa rantaun konseptual yang memanifestasikan fikiran Hamka ketika menghuraikan dimensi asas kehidupan. Dua bentuk metafora, iaitu metafora konvensional dan metafora linguistik, telah dikenal pasti dalam kajian ini. Kedua-dua bentuk metafora ini juga berjaya menghasilkan tiga jenis metafora konseptual, iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural.

Kata kunci: Metafora linguistik, metafora konvensional, metafora orientasi, metafora ontologi, metafora struktural, Teori Hibrid

### ***Abstract***

*Humans tend to use metaphors to convey the implicit meaning behind the delivery of literal meaning, especially in writing. The use of metaphors is intended to convey something abstract or explain a complex concept. However, metaphors that contain layered meanings lead to the misinterpretation of meaning. Language users are not able to understand the meaning behind a said expression. This causes the message conveyed by the writer to be misunderstood by the reader, creating ambiguity in meaning and communication failure. In line with that, this study discusses the interpretation of meanings of the metaphors of MIND, LIFE, and THOUGHT in Hamka's book *Falsafah Hidup* [The Philosophy of Life] based on Hybrid theory and textual analysis. The data for this study was obtained from the first four chapters of *Falsafah Hidup*. The analysis of these three metaphors has produced several conceptual regions that manifest Hamka's mind in describing the basic dimensions of life. Two forms of metaphor, namely conventional metaphor and linguistic metaphor, have been identified in the study. These two forms of metaphor have also successfully produced three types of conceptual metaphors, namely orientation metaphors, ontological metaphors, and structural metaphors.*

**Keywords:** *Linguistic metaphor; conventional metaphor; orientation metaphor; ontological metaphor; structural metaphor; Hybrid Theory*

## PENGENALAN

Metafora berasal daripada bahasa Greek iaitu *methaphore* yang bermaksud memindahkan (Hawkes, 1972:1). Meta bermaksud “di atas”, manakala pheirien bermaksud “membawa”. Menurut Maslida (1999:4–5), pembentukan metafora merupakan proses linguistik yang melibatkan sifat sesuatu objek yang dipindahkan kepada objek kedua dan objek kedua tersebut diujarkan seolah-olah objek pertama. Metafora juga satu daripada bahasa figuratif yang menyatakan sesuatu dengan sesuatu yang lain (Rahman, 1993). Sesuatu perkara yang bersifat abstrak diberi sifat objek lain dengan beranggapan bahawa objek kedua mempunyai persamaan dengan objek pertama. Menurut Za’ba (2002), metafora merupakan peribahasa yang mengumpamakan, mengibaratkan atau mengiaskan sesuatu perkara dengan perkara lain yang menyebabkan maksud dan maknanya menjadi dua lapis ketika disampaikan.

Sejak dahulu lagi, metafora telah banyak digunakan bagi menggambarkan pemikiran dan kehidupan masyarakat, serta penyampaian idea, terutamanya dalam dunia penulisan ilmuwan terdahulu. Menurut Muhammad (2002:135), metafora ialah unsur penting dalam hasil penulisan Melayu dan menentukan tahap dan nilai estetika sesebuah penulisan. Hawkes (1971:2) juga menyatakan bahawa kepelbagaian perpindahan bahasa itu dapat memperlihatkan tahap kesusasteraannya yang tinggi. Secara tidak langsung, penulisan dapat mewujudkan komunikasi dalam dengan pembaca dan menerapkan hasil pemikiran menerusi ungkapan metafora dengan mencatatkannya ke dalam buku. Sebagaimana yang diketahui, kebanyakan karya Hamka menggabungkan bidang agama, sastera dan bahasa apabila menyentuh pemikiran masyarakat Melayu melalui kepelbagaian ungkapan metafora yang digunakan. Beliau mengenal pasti nilai yang boleh diaplikasikan untuk memandu manusia menuju kejayaan. Antaranya termasuklah nilai kesederhanaan menerusi ungkapan yang bermetafora ketika mengkonsepkan nilai kesederhanaan. Hamka (2019:163) menjelaskan perkara ini seperti yang berikut:

Maka kalau sekiranya kita perturutkan sahaja **kehendak nafsu**, tidak kita beri **batas perjalanananya** supaya sederhana, tidaklah **perjalanan nafsu itu akan berhujung**. Pada hal ini jika kita terima sahaja apa yang ada, kita sabar dan **tahan hati**, kita berusaha hanya **menghindarkan pengangguran di dalam hidup**, maka nafsu itu akan menerima berapa yang ada ...

Hamka menjelaskan nilai kesederhanaan yang berkaitan dengan nafsu, iaitu manusia memang diingatkan oleh agama Islam supaya mengawal kehendak dan desakan nafsunya. Namun begitu, pemikiran dan penyampaian ideanya dilahirkan dan dizahirkan melalui ungkapan metafora, seperti **kehendak nafsu, batas perjalanananya, perjalanan nafsu itu akan berhujung, tahan hati, dan menghindarkan pengangguran di dalam hidup**. Ungkapan ini sebenarnya ungkapan yang berunsurkan metafora yang berfungsi untuk menimbulkan makna yang luar biasa, serta mengandungi makna tersirat di sebaliknya.

Metafora merupakan satu daripada alat retorik atau seni berbahasa yang sering digunakan dalam penulisan. Kebanyakan penulis menggunakan ungkapan yang berunsurkan metafora dalam karya penulisan untuk menimbulkan kelainan, serta menyerlahkan dan memperlihatkan hakikat akal budi dan pemikiran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Lakoff dan Johnson (1980), penggunaan ungkapan bermetafora oleh pengguna bahasa berfungsi sebagai alat untuk imaginasi puitis dan retorik. Oleh hal yang demikian, penggunaan ungkapan yang bermetafora ini menyebabkan sesuatu penulisan mempunyai nilai estetika yang tinggi sehingga menyukarkan pembaca menyingkap makna sebenar penulisan tersebut (Rahman, 1993). Setiap leksikal dan frasa yang berbentuk metafora merupakan leksikal dan frasa yang kabur dan taksa. Maknanya pula tersirat atau implisit, bukannya literal (Rozaimah, 2016). Ketaksaan ujaran yang berbentuk metafora ini menyebabkan pembaca tersalah tafsir makna yang ingin disampaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur metafora biasanya akan menimbulkan pelbagai andaian dan makna yang pelbagai, serta sukar ditafsirkan. Za'ba (2002) turut menyatakan perkara yang sama, iaitu metafora merupakan suatu bentuk penyampaian makna yang berlapis dan menyimpang daripada makna asal.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis ungkapan yang bersifat metafora dengan lebih mendalam dalam buku karya Hamka yang berjudul *Falsafah Hidup*. Hal ini adalah untuk meneliti dan melihat maksud sebenar di sebalik penulisan beliau melalui ungkapan yang bermetafora dalam penyampaian idea dan fikirannya terhadap pemikiran dan kehidupan masyarakat Melayu yang bertunjangkan cara hidup Islam. Analisis diperkuuh dengan mengaplikasikan Teori Hibrid sebagai kerangka teori untuk memperlihatkan makna metafora dengan jelasnya dalam buku tersebut. Kajian yang dilakukan ini juga dapat membuka minda dan fikiran pembaca terhadap makna dan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh beliau di sebalik penulisannya.

Hal ini dikatakan demikian kerana setiap ungkapan dalam penulisannya bukanlah sekadar frasa dan ungkapan yang biasa, kosong dan bersahaja, tetapi tersembunyi konsep yang abstrak dan falsafah yang tinggi sekiranya diamati secara teliti dan mendalam.

## TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara kajian lepas dengan kajian yang dijalankan ini. Persamaannya adalah dari segi teori yang digunakan, iaitu Teori Hibrid. Teori yang mengkonseptkan entiti abstrak dan menentukan makna metafora ini dipelopori oleh Tendahl (2009) dan Stöver (2010). Antara pengkaji lepas yang menggunakan teori ini termasuklah Rozaimah dan Nor Hashimah (2013, 2015). Pengkaji tersebut memfokuskan satu leksikal tunggal yang bersifat emosi, seperti emosi **kasih** dan **marah** dalam teks tradisional Melayu. Di samping itu, terdapat kajian terkini yang melihat konsep **adat** dalam kehidupan masyarakat Melayu seperti yang dijalankan oleh Muhamad Fadzllah (2015). Oleh itu, perbezaan antara kajian pengkaji dengan pengkaji lepas adalah dari sudut data kajian. Pengkaji menggunakan data kajian yang bersifat pelbagai, iaitu data metaforanya bersifat universal yang diperoleh daripada buku.

Selain penggunaan data yang berbeza, pendekatan kajian yang digunakan turut berbeza. Kebanyakan pengkaji lepas menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan kaedah kajian pustaka. Hal ini bersesuaian dan lebih ideal kerana melibatkan penggunaan data korpus, sama ada tradisional atau kontemporari yang dicapai daripada pangkalan data korpus, khususnya kajian perbandingan antara masyarakat dahulu dengan masyarakat kini. Kajian sebegini dilakukan oleh Nor Hashimah et al. (2012), Rozaimah dan Nor Hashimah (2008, 2013, 2015). Terdapat kajian lepas yang turut menggunakan buku sebagai sumber data kajian. Antaranya termasuklah kajian oleh Nirwana et al. (2017), Muhamad Fadzllah (2015) dan Suziana et al. (2017). Pengkaji pula menggunakan buku sebagai sumber utama data kajian. Namun begitu, pemprosesan data daripada buku agak sukar dan rumit kerana mengambil masa yang agak lama dan memerlukan penelitian secara manual dalam proses pengenalpastian, pengeluaran dan pengelompokan data.

Dari segi skop kajian pula, kajian semantik lebih tertumpu pada kajian tentang gugusan emosi, metafora konsepsi dan penghasilan skema imej, serta peluasan makna dari sudut semantik kognitif. Hal ini boleh

dilihat melalui kajian metafora emosi yang dijalankan oleh Nor Hashimah et al. (2012), dan Rozaimah dan Nor Hashimah (2008, 2013, 2015) yang lebih tertumpu pada kajian semantik kognitif. Kajian metafora yang menggunakan karya penulisan terdahulu juga amat terhad bilangannya. Terdapat kajian metafora yang menggunakan karya Hamka sebagai data kajian, seperti kajian Suziana et al. (2017). Namun begitu, kajian tersebut lebih mengkhususkan pengetahuan bidang ilmu sastera dan sosiologi sastera secara komprehensif. Oleh hal yang demikian, kajian ini secara tidak langsung menyumbang kosa ilmu baharu dalam kajian metafora, khususnya kajian yang menggunakan hasil karya penulisan dengan penerapan kerangka teori yang lebih komprehensif dan sistematik.

## METODOLOGI

Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif yang menggunakan data berbentuk teks atau kata. Analisis dibuat dengan menjelaskan dan menganalisis kata (data) berpandukan teori yang sesuai (White & Marsh, 2006). Menurut Krippendorff (2004), dan White dan Marsh (2006), analisis kandungan dokumen ini merupakan kaedah kajian yang berguna untuk membuat kesimpulan yang diulang, sah dan sahih daripada teks bagi konteks yang digunakan. Analisis kandungan dokumen juga melibatkan prosedur khusus untuk menimbulkan dan mewujudkan pandangan baharu, serta meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan dengan situasi tertentu. Kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif, iaitu analisis penulisan ilmu dengan kaedah analisis teks terhadap buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. Selain itu, tinjauan awal juga turut dilakukan bagi memperoleh maklumat menerusi kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji lain, khususnya kajian dalam bidang semantik. Semua kajian lepas diteliti secara terperinci bagi mendapatkan maklumat tambahan yang merangkumi pelbagai bidang, seperti sosiologi, pendidikan, dan linguistik kognitif.

Bagi proses pengumpulan data metafora yang terkandung dalam buku penulisan tersebut, kaedah analisis teks digunakan untuk menganalisis data dengan mengaplikasikan Teori Hibrid. Kaedah analisis teks yang dimaksudkan ialah pembacaan seluruh penulisan secara manual dalam proses pengambilan data. Perolehan data dalam kajian dilakukan bagi mengenal pasti data mentah yang mengandungi leksikal metafora yang terkandung dalam keempat-empat bab tersebut bermula daripada bab

satu hingga bab empat. Setelah data mentah yang mengandungi leksikal metafora dikenal pasti, semua data mentah dikeluarkan daripada buku tersebut dan dikumpulkan untuk diteliti bagi mendapatkan data yang berunsurkan metafora. Pengenalpastian leksikal metafora dilakukan berdasarkan pendekatan yang diutarakan oleh Kumpulan Pragglejaz. Menurut Kövecses (2010), kumpulan ini telah merangka satu proses pengenalpastian metafora yang bersifat telus, eksplisit dan boleh digunakan dalam kebanyakan kajian metafora. Selama ini, banyak pengkaji menggunakan intuisi untuk menentukan kata atau frasa yang bersifat metafora. Oleh itu, kaedah ini membantu mengesahkan intuisi pengkaji secara berpada dan meyakinkan. Kaedah ini dikenali sebagai prosedur pengenalpastian metafora (PPM) atau *metaphor identification procedure* (MIP). Kaedah PPM dijelaskan seperti yang berikut:

1. Seluruh teks dibaca untuk membentuk pemahaman secara umum terhadap makna dan isi kandungan teks.
2. Unit leksikal dalam teks dikenal pasti.
3. Bagi setiap unit leksikal dalam teks, maknanya ditentukan berdasarkan konteks.
4. Bagi setiap unit leksikal berkenaan, makna asasnya ditentukan.
5. Kata tersebut ditentukan, sama ada benar-benar berbeza daripada makna kontekstualnya atau tidak.
6. Jika bukan, kata tersebut ditandakan sebagai bukan metafora.
7. Jika makna kontekstual tersebut mempunyai pertalian dengan makna asas berdasarkan ciri persamaan, unit berkenaan ditandakan sebagai metafora.

### **Data Kajian: Buku *Falsafah Hidup* Karya Hamka**

Hamka mengemukakan pandangan falsafah terhadap konsep akal dan perasaan, kesederhanaan, tujuan hidup, serta beberapa permasalahan kecil yang tidak selesai dalam kehidupan manusia (Abd Rahman, 2009) dalam buku *Falsafah Hidup* ini. Hal ini menyebabkan buku ini dipilih. Secara umumnya, Hamka menyuarakan falsafah kehidupan berdasarkan kerangka Islam yang berfungsi sebagai wahana baharu dan nasihat ilmu kepada kelompok remaja. Sebanyak sembilan bab di dalamnya. Setiap bab terdiri daripada beberapa pecahan topik yang mempunyai fokus yang tersendiri.


Namun begitu, Hamka didapati menyadurkan idea, pandangan dan pemikirannya menggunakan pendekatan bahasa yang agak sukar difahami (Siddiq, 2001). Dengan erti kata lain, gaya berbahasa yang terkandung di dalamnya sarat dengan kepelbagaian penggunaan metafora yang turut dihiasi oleh perumpamaan, peribahasa, simpulan bahasa dan sebagainya. Setiap ungkapan yang dihuraikan untuk menyampaikan inti kandungan perbincangan kepada pembaca juga bersifat metaforikal yang mempunyai makna di sebaliknya. Hal ini menyebabkan pembaca sukar memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh Hamka dan memerlukan pembacaan yang berulang kali. Hal ini juga menyebabkan seluruh inti pati kandungan penulisan ini berestetika tinggi (Mustafa, 1992) dan memerlukan fikiran tinggi untuk memproses makna sebenar di sebalik ungkapan metafora tersebut. Oleh hal yang demikian, pengkaji membataskan data kajian kepada empat daripada lapan bab dalam buku ini. Hal ini disebabkan oleh kajian ini yang bersifat berkala dan tidak meluas, serta had data yang mewakili 50% atau separuh daripada inti pati kandungan penulisan.

### Kerangka Teori Hibrid

Teori Hibrid dipelopori oleh Tendahl (2009). Teori ini digunakan untuk mengupas penghasilan dan pemahaman metafora. Teori yang mengacuakan pendekatan linguistik kognitif dan bidang pragmatik ini membawa gagasan bahawa satu proses penginterpretasian makna dalam kognisi seharusnya melibatkan proses pemetaan dua domain, serta proses membuat andaian dan kesimpulan secara pragmatik. Kacukan kedua-dua proses ini akan menghasilkan pemahaman yang lebih unik dan mantap berkenaan makna kata yang didasari oleh pemahaman kognisi, terutamanya pemahaman makna bagi kata yang bersifat kreatif, seperti metafora. Pembentukan teori ini bertujuan untuk menghasilkan teori yang berintegrasi dengan menggabungkan beberapa elemen daripada Teori Relevans (Carston, 2002; Sperber & Wilson, 1995) dan Teori Metafora Konseptual (Kövesces, 2010; Lakoff, 1992) secara produktif untuk menganalisis metafora. Metafora dari perspektif Teori Relevans melibatkan inferens melalui pendekatan berorientasikan kognitif. Metafora juga unsur implikatur dan eksplikatur yang melibatkan pembentukan konsep *ad hoc* peluasan dan *ad hoc* penyempitan. Dalam kerangka Teori Metafora Konseptual pula, metafora melibatkan proses pemetaan dua domain, iaitu domain sumber dan domain sasaran.

Namun begitu, usaha dan saranan Tendahl (2009) ini mempunyai kelompongan kerana tidak menjelaskan perkara tertentu secara tepat dan terperinci. Antaranya termasuklah cara Teori Relevans dan pendekatan linguistik kognitif itu beroperasi dan dikacukkan, batasannya serta proses yang terlibat untuk menginterpretasikan makna implisit metafora, seterusnya menghasilkan rantaui konseptual. Oleh itu, Stöver (2010) telah memperkemas Teori Hibrid dengan memperkenalkan model proses tiga serangkai. Proses tiga serangkai yang dicetuskan oleh Stöver (2010) dan rantaui konseptual yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009) perlu diaplikasikan sepenuhnya kerana bersifat komplemen dan berintegrasi. Hal ini dikatakan demikian kerana proses tiga serangkai beroperasi dalam rantaui konseptual. Rantaui konseptual juga satu ruang yang menyimpan makna yang telah berjaya diinterpretasikan atau makna yang dikomunikasikan oleh pendengar atau penutur dan akan digunakan secara berulang-ulang. Bahagian seterusnya ini memaparkan dan menghuraikan proses tiga serangkai dan rantaui konseptual yang menjadi kerangka dasar dalam Teori Hibrid.

### Proses Tiga Serangkai



**Rajah 1** Proses tiga serangkai.

(Sumber: Disesuaikan dan diterjemahkan daripada Stöver, seperti yang dinyatakan dalam Rozaimah, 2016)

Berdasarkan Rajah 1, proses tiga serangkai melibatkan tiga proses yang saling melengkapi, iaitu proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses pentaabiran. Proses simulasi melibatkan penginterpretasian makna secara literal dan penghasilan proposisi. Ujaran yang difahami pada peringkat ini bersifat eksplikatur (tersurat). Selain itu, proses simulasi juga melibatkan penghasilan skema imej berdasarkan pengalaman badaniah seseorang melalui simulasi beberapa imej mental yang dicerap melalui pengalaman yang dialami. Dalam proses simulasi juga, berlaku proses pemetaan dua domain, iaitu domain sumber kepada domain sasaran untuk menghasilkan metafora konseptual dan metonimi konseptual. Proses simulasi melibatkan pengaplikasian ilmu linguistik kognitif semasa pembaca atau pendengar cuba memahami atau menginterpretasikan makna metafora atau cuba mengkonsepsikan entiti yang bersifat abstrak kepada entiti yang bersifat konkret. Hal ini dikenali sebagai proses konseptualisasi.

Proses pentaabiran pula melibatkan ujaran yang bersifat implikatur atau tersirat. Bagi memahami makna frasa atau leksikal yang bersifat metafora, proses simulasi dan proses pentaabiran berlaku serentak, serta melibatkan penerapan konsep *ad hoc* dalam gagasan Teori Relevans dan proses pemetaan dua domain berdasarkan pendekatan linguistik kognitif. Proses metarepresentasi sangat membantu pembaca/pendengar untuk membuat pemilihan inferens melalui penerapan konsep *ad hoc* penyempitan atau semasa pembaca/pendengar membuat andaian implikatur untuk memilih kesimpulan implikatur melalui penerapan konsep *ad hoc* peluasan semasa menginterpretasikan makna metafora. Proses metarepresentasi juga berperanan untuk memberikan input dan bertindak sebagai pengantara maklumat terhadap proses pentaabiran yang mengandungi pengalaman pendengar atau pembaca untuk mendapatkan makna yang hendak dikomunikasikan, yakni makna yang difahami. Makna yang dikomunikasikan ini pula akan tersimpan dalam rantaui konseptual seseorang pendengar atau penutur dan akan digunakan secara berulang-ulang. Hal ini dikatakan demikian kerana makna ini sebahagian daripada pengalaman, maklumat atau catatan ensiklopedia, serta pengalaman badaniahnya.

### Dapatan Kajian Metafora

Jumlah data metafora yang berjaya dikenal pasti daripada buku *Falsafah Hidup* karya Hamka bermula dalam bab satu hingga bab

empat adalah sebanyak 146 data. Daripada 146 data tersebut, pengkaji mendapati bahawa terdapat dua bentuk metafora yang berjaya dikenal pasti yang diklasifikasikan sebagai metafora linguistik dan metafora konvensional.

Bilangan data bagi metafora linguistik adalah sebanyak 138 data (94.52%), manakala bilangan data yang berunsurkan metafora konvensional pula adalah sebanyak lapan data (5.48%). Bilangan data bagi kedua-dua bentuk metafora dalam buku *Falsafah Hidup* ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Bentuk metafora dalam buku *Falsafah Hidup*.

Bentuk Metafora	Bilangan Metafora	Peratus (%)
Metafora Linguistik	138	94.52
Metafora Konvensional	8	5.48
Jumlah	146	100

Menurut Rozaimah (2016), metafora linguistik merupakan ekspresi, cetusan, atau ungkapan linguistik yang melibatkan ujaran, kata, frasa, klausa dan ayat yang bersifat metaforikal. Dengan erti kata lain, metafora linguistik ini mengandungi ujaran yang mempunyai makna yang taksa atau kabur yang boleh memperlihatkan banyak makna rujukan. Leksikal **memelihara hidup, fikirannya terbuka, akal bertambah, tenunan hidup** merupakan contoh bentuk metafora linguistik yang terdapat dalam buku *Falsafah Hidup* ini. Leksikal **memelihara, terbuka, bertambah, dan tenunan** tersebut sebenarnya mengandungi banyak rujukan sehingga menyebabkan kecaburan dan kekeliruan makna terhadap maksud sebenar yang ingin disampaikan. Semua leksikal tersebut merupakan domain konkrit yang berpasangan dengan leksikal yang berdomain abstrak bagi menghasilkan frasa yang berbentuk metafora linguistik. Metafora konvensional pula merujuk kata yang digunakan untuk menyatakan makna lain, yang berbeza daripada makna literal kata tersebut. Dalam konteks bahasa Melayu, metafora jenis ini meliputi penggunaan ujaran, kata, frasa, klausa dan ayat yang bersifat kiasan atau perbandingan, seperti perumpamaan, peribahasa, simpulan bahasa, analogi dan lain-lain (Rozaimah, 2016). Metafora

jenis ini juga dikenali sebagai metafora mati kerana penggunaannya tetap, iaitu fungsi dan bentuknya tidak boleh diubah. Hal ini dikatakan demikian kerana metafora konvensional telah didokumentasikan secara rasmi melalui kamus berwibawa dan penggunaannya telah diterima pakai dan digunakan secara meluas oleh masyarakat (Rozaimah, 2016).

Antara bentuk metafora konvensional yang terdapat dalam buku *Falsafah Hidup* termasuklah perumpamaan, kiasan, peribahasa dan simpulan bahasa. Perumpamaan didefinisikan sebagai perbandingan makna secara jelas antara dua entiti yang ditandakan dengan leksikal utama, iaitu laksana, bagai, seperti, bak, dan seolah-olah (Awang Had & Abdul Razak, 1990). Kiasan pula melibatkan penggunaan kata atau bentuk bahasa yang memperkatakan sesuatu dengan mengiaskannya kepada kata lain, sama ada perbandingannya disebut atau tidak (Awang Sariyan, 1992). Peribahasa pula merujuk ayat yang mempunyai maksud tertentu secara berkias, berlapik atau tersirat (Zaid et al., (2017)). Simpulan bahasa pula bermaksud himpunan kata yang memiliki susunan yang tetap dan tidak berubah (Za'ba, 2002). Dengan erti kata lain, metafora konvensional mempunyai maksud berbeza daripada makna kata yang membentuknya. Contoh metafora konvensional yang terdapat dalam buku *Falsafah Hidup* ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Contoh metafora konvensional yang terdapat dalam buku *Falsafah Hidup*.

Bentuk	Contoh Data
Perumpamaan	laksana tenunan yang bersambung menjadi kata laksana limau yang dikalahkan benalu laksana beberapa butir lokan mutiara yang dibongkar ombak dari dasar laut lalu dihantarkannya ke tepi laksana batu karang di hujung pulau, jadi hampasan segala ombak gelombang
Kata Kiasan	jangan jadi batu penarung
Peribahasa	pikulan bersama, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing tidak akan bertepuk sebelah tangan
Simpulan Bahasa	lalu jatuh hatinya

Berdasarkan Jadual 2, terdapat empat data perumpamaan, satu data kata kiasan, dua data peribahasa dan satu data simpulan bahasa yang menunjukkan metafora konvensional.

### **Analisis Data Metafora dalam Buku *Falsafah Hidup***

Berdasarkan 146 data metafora yang dikenal pasti ini, terdapat 83 domain yang digunakan untuk membentuk ungkapan metafora. Daripada jumlah ini, tiga unsur abstrak (domain sasaran) yang mencatatkan kekerapan tertinggi ialah metafora AKAL, KEHIDUPAN, dan FIKIRAN. Ketiga-tiga leksis ini merupakan konsep abstrak yang mengandungi makna yang pelbagai. Oleh hal yang demikian, kepelbagaiannya makna yang didukung oleh ketiga-tiga leksis ini diketengahkan bagi menyingkap ketersiratan makna yang wujud, sama ada secara metaforikal atau tersurat. Kekerapan domain sasaran ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Kekerapan tertinggi domain sasaran metafora dalam buku *Falsafah Hidup*.

Bil.	Domain Sasaran	Kekerapan
1.	AKAL	19
2.	KEHIDUPAN	13
3.	FIKIRAN	12
4.	HATI	8
5.	ILMU	5
Jumlah		57

Dapatan menunjukkan bahawa metafora AKAL mencatatkan bilangan kekerapan paling tinggi berbanding dengan metafora KEHIDUPAN dan metafora FIKIRAN. Sebagaimana yang diketahui, akal merupakan senjata, nikmat dan keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. Akal juga tempat timbulnya ilmu atau sendi ilmu yang dapat membezakan antara perkara buruk dengan perkara baik, antara perkara hitam dengan perkara putih, antara kotor dengan bersih, dan sebagainya (Rokim, 2017). Fungsinya adalah untuk

mengenal Tuhan, memerhatikan kekuasaan dan kebesaran-Nya, serta melihat rahsia keindahan alam supaya perkara yang tersembunyi dapat disingkap dan dirungkaikan oleh manusia (Dadang Mahdar, 2014). Akal juga mampu memandu manusia ketika mencari kebenaran sehingga hakikat dan keyakinan terhadap sesuatu kebenaran dapat dicapai oleh manusia (Ibn Manzur, 2003).

Sebagaimana konsep akal yang digunakan oleh Hamka dalam penulisannya, beliau berpendapat bahawa akal ialah ikatan yang menghubungkan manusia dengan corak fikiran mereka sendiri, sejajar dengan ungkapan beliau “Ibarat tali mengikat unta, akal mengikat manusia” (Hamka, 2019). Dengan erti kata lain, akal bukanlah sifat yang berdiri sendiri, tetapi tercetus daripada fikiran, kemahuan, dan perasaan yang dapat mengikat manusia supaya tidak terpengaruh oleh hawa nafsunya (Hamka, 2009). Bagi Hamka, orang yang berakal ialah manusia yang sentiasa melihat sesuatu yang melebihi sifatnya sendiri, bukan sahaja pada sisi luarannya, malah sudut dalamannya. Akal juga berupaya memandu manusia untuk mencapai dan menuju puncak kejayaan.

Kehidupan pula didefinisikan sebagai perihal hidup manusia (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2014:534). Dengan erti kata lain, kehidupan merupakan suatu perjalanan atau kitaran hidup bagi manusia bermula sejak lahir hingga dewasa. Menurut Hamka, pendefinisian kehidupan bermula daripada pintu akal (Hamka, 2019). Dengan konsep kehidupan, manusia menemukan fungsi akalnya. Kehidupan yang luar biasa pula boleh difahami dengan akal yang bekerja.

Fikiran pula membawa maksud daya atau kemampuan berfikir manusia (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2014:411). Dengan erti kata lain, fikiran merupakan kumpulan atau kelompok kemampuan kognitif yang membawa manusia kepada suatu persepsi atau tanggapan, pemikiran, pertimbangan, dan ingatan. Fungsinya adalah untuk membolehkan manusia berfikir, merasakan dan memahami perkara tertentu (Ravi, 2015). Fikiran pula wujud dalam dua keadaan, iaitu fikiran sedar dan fikiran di bawah sedar. Bagi memerihalkan ketiga-tiga domain sasaran ini, Hamka menyampaikan dan mempersebahkan ideanya melalui ungkapan metafora. Oleh hal yang demikian, ketersiratan makna dalam metafora AKAL, KEHIDUPAN, dan FIKIRAN dapat diuraikan secara terperinci, mendalam, dan sistematik melalui pengaplikasian Teori Hibrid.

Ketersiratan makna bagi data 1 dalam bahagian ini dihuraikan dengan mengaplikasikan Teori Hibrid yang melibatkan penerapan konsep *ad hoc* dan proses pemetaan domain. Melalui teori ini, proses yang berlaku secara serentak ini dikenali sebagai proses tiga serangkai, iaitu melibatkan proses pentaabiran, proses metarepresentasi, dan proses simulasi. Menurut Rozaimah (2016), proses simulasi ialah proses yang melibatkan pendekatan linguistik kognitif melalui penghasilan skema imej dan proses pemetaan dua domain, iaitu domain sumber kepada domain sasaran. Proses pentaabiran pula melibatkan Teori Relevans melalui penggunaan konsep *ad hoc*, iaitu *ad hoc peluasan* dan *ad hoc penyempitan*. Proses metarepresentasi pula mengandungi representasi imaginasi, iaitu pengalaman yang didapati daripada persekitaran sekeliling, maklumat, pengalaman badaniah dan ensiklopedia yang telah dialami. Proses ini juga berfungsi sebagai pemberi input dan maklumat kepada proses pentaabiran (Rozaimah, 2016).


*Data 1 [MS44: P2: B3]: Sebelum Islam mengajak pemeluknya mencapai segala keperluan yang berhubung dengan dunia, lebih dahulu diajak supaya mempergunakan segenap upaya bagi **membersihkan akal**, dalam faham, jitu fikiran dan pandangan.*

Frasa **membersihkan akal** dalam data 1(a) memperlihatkan data yang bersifat metaforikal dan memerlukan penerapan konsep *ad hoc* ketika merungkaikan ketersiratan maknanya. Konsep *ad hoc* merupakan hasil komponen pemikiran penutur yang dapat diinterpretasikan oleh pendengar pada satu-satu masa dan bersifat spesifik dan sementara (Nor Faizzah, 2016). Bagi data 1(a), data ini merupakan data yang berbentuk linguistik yang melibatkan konsep *ad hoc penyempitan* melalui proses pentaabiran kerana frasa tersebut merupakan ujaran yang taksa. Pada kebiasaannya, konsep *ad hoc penyempitan* diaplikasikan apabila wujudnya ketaksaan dan kekaburan makna yang mempunyai pelbagai inferens dan rujukan yang terdapat dalam sesuatu ungkapan. Menerusi konsep *ad hoc penyempitan* ini, pembaca atau pendengar akan melakukan pemilihan dengan menggugurkan inferens yang tidak relevan, seterusnya menyempitkan makna yang tidak diingini. Contohnya, data 1(a), iaitu **membersihkan akal** dianggap sebagai kabur dan mempunyai makna implisit kerana mempunyai

pelbagai makna rujukan yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014:172), leksikal **membersihkan** merujuk perbuatan menjadikan sesuatu itu bersih dengan cara membasuh, menyapu mengelap dan sebagainya, menyucikan daripada sifat kotor, menjadikan bersih daripada anasir kotor, dan menghapuskan anggapan daripada tuduhan. Oleh hal yang demikian, berdasarkan definisi yang terdapat dalam kamus, frasa **membersihkan akal** mempunyai pelbagai inferensi yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca yang cuba memahami frasa tersebut.


Namun begitu, sekiranya data 1(a) dikaitkan dengan konteks keseluruhan ayat, leksikal **membersihkan** lebih merujuk perbuatan menyucikan sesuatu daripada sifat kotor untuk menjadikannya bersih dan suci. Walaupun leksikal **membersihkan** mempunyai andaian yang bersinonim dengan makna literalnya, seperti menjadikan sesuatu itu bersih dengan cara membasuh, menyapu, mengelap dan sebagainya, makna tersebut bukanlah makna yang dirujuk. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan membersihkan memerlukan benda konkret yang boleh dirasa, dipegang dan dilihat oleh deria manusia. Contohnya, satu kawasan atau objek untuk dibersihkan. Leksikal **akal** yang mengikuti leksikal **membersihkan** ialah unsur abstrak yang tidak boleh dikesan oleh deria manusia. Hal ini menyebabkan frasa tersebut bersifat metaforikal kerana akal yang bersifat abstrak telah ditafsirkan sebagai objek, iaitu entiti konkret yang boleh dibersihkan oleh manusia.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan konsep ad hoc penyempitan, pembaca akan membuat pemilihan dengan memilih andaian yang paling relevan mengikut konteks, iaitu dalam lingkungan C\* bagi frasa **membersihkan akal**. Maka, terhasil makna yang cuba diinterpretasikan, iaitu menyucikan sesuatu daripada sifat kotor yang boleh memudaratkan cara seseorang itu berfikir. Makna yang terhasil ini diambil kira daripada ciri akal itu sendiri, iaitu akal yang dapat membezakan perkara yang baik daripada perkara yang buruk, dan membezakan haiwan daripada manusia, serta memandu manusia ke arah kebaikan. Akal ini juga turun naik sifatnya kerana akal sangat mudah dirosakkan dan dikotorkan oleh perkara negatif yang berlaku dalam kehidupan. Maka, makna lain yang bersifat harfiah dalam lingkungan L digugurkan seperti dalam Rajah 2. Makna lain dalam lingkungan L digugurkan kerana ia juga merupakan andaian yang tidak relevan berdasarkan konteks penggunaannya untuk memerikan makna frasa **membersihkan akal**.



**Rajah 2** Pemetaan konsep *ad hoc penyempitan* bagi leksikal **membersihkan**.

Seterusnya, melalui proses simulasi, frasa **membersihkan akal** akan dapat menghasilkan skema imej dan metafora konseptual. Hal ini dikatakan demikian kerana proses simulasi melibatkan pendekatan linguistik kognitif dan pemetaan dua domain. Dalam konteks ini, penghasilan skema imej bagi frasa **membersihkan akal** melibatkan skema imej DAYA dan OBJEK. Proses pemetaan domain ini ditunjukkan dalam Rajah 3.



**Rajah 3** Proses pemetaan domain sumber kepada domain sasaran.

Hal ini dapat dilihat melalui pembuktian linguistik daripada leksikal **membersihkan** yang menstrukturkan skema imej DAYA, manakala **akal** pula diskemakan sebagai entiti konkrit yang merujuk skema imej OBJEK. Skema imej DAYA melibatkan perhubungan aktif antara abstrak dengan konkret yang dapat memperlihatkan daya dan pergerakan sumber dan sasaran. Dalam konteks data 1(a), leksikal **membersihkan** dapat memperlihatkan skema imej DAYA kerana memberikan gambaran terhadap aktiviti yang menyebabkan sesuatu perkara itu bersih dan melibatkan daya manusia untuk berbuat demikian. Skema imej OBJEK pula merupakan penginterpretasian entiti, unsur, atau pengalaman yang mempunyai kaitan dengan tubuh manusia atau unsur lain yang terdapat di alam maya. Skema imej ini juga mengandungi ciri yang boleh disentuh dan dilihat sebagai contoh barang atau benda (Rozaimah, 2016). Leksikal **akal** yang diskemakan sebagai entiti konkrit yang merujuk OBJEK pula memberikan gambaran bahawa **akal** perlu dijaga dan dibersihkan daripada perkara negatif. Dengan erti kata lain, **akal** merupakan entiti bernilai yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia. DAYA dan OBJEK yang melibatkan pergerakan ini dikategorikan sebagai domain PERBUATAN. Domain PERBUATAN ini pula merupakan domain sumber yang dipetakan kepada domain sasaran, iaitu AKAL, untuk menghasilkan metafora konseptual.



**Rajah 4** Skema imej DAYA dan OBJEK bagi frasa **membersihkan akal**.

(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Dalam konteks ini, Hamka cuba menyampaikan mesej kepada pembaca bahawa untuk mencapai segala matlamat dan kejayaan dalam hidup, akal ialah elemen utama yang harus dijaga dan dipelihara terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana akal akan menentukan corak manusia berfikir dan dapat diterjemahkan melalui perbuatan manusia. Sekiranya akal dipenuhi oleh perkara baik, fikiran yang baik akan mempengaruhi hati yang stabil, seterusnya mempengaruhi setiap tindakan manusia. Menurut Hamka juga, orang yang berakal tidak berdukacita dalam segala hal. Dalam erti kata lain, orang berakal tidak sewenang-wenangnya mensia-siakan nikmat akal yang dikurniakan, malah bercita-cita untuk menggapai akhirat dan tidak terlekat dengan nikmat dunia semata-mata.

Semasa proses pembentukan skema imej ini, berlaku proses simulasi yang melibatkan pemetaan dua domain. Dalam proses ini, domain sumber yang berunsurkan konkrit dipetakan atau disasarkan kepada domain sasaran yang berunsurkan abstrak. Hasil pemetaan dua domain tersebut membentuk metafora konseptual. Pemetaan domain bagi frasa **membersihkan akal** ini melibatkan domain DAYA yang disasarkan kepada domain sasaran yang diwakili oleh akal. Dalam konteks data 1(a), terdapat satu daya yang bertindak untuk membersihkan dan menyucikan sesuatu perkara. Hasil pemetaan domain ini seterusnya membentuk metafora konseptual, iaitu AKAL ADALAH DAYA. Frasa **akal** yang diskemakan sebagai entiti konkrit pula dikonsepsikan sebagai OBJEK dan menghasilkan metafora konseptual, iaitu AKAL ADALAH OBJEK YANG BERNILAI.

### Jenis Metafora Konseptual

Metafora konseptual merupakan hasil proses pemetaan domain semasa proses konseptualisasi. Hal ini bermakna, metafora konseptual merupakan pemahaman makna yang tercetus daripada pemetaan set yang melibatkan kedua-dua domain tersebut. Secara umumnya, konsep metafora konseptual yang diutarakan oleh Lakoff (1992) ini menyatakan bahawa metafora konseptual merupakan pemahaman terhadap domain abstrak dalam domain lain, khususnya domain konkrit. Menurut Rozaimah (2016), sesuatu perkara dapat difahami berbantuan perkara lain. Dengan erti kata lain, frasa, klausa, ayat dan ujaran yang berbentuk metaforikal dapat difahami makna sebenarnya. Dalam konteks ini, pelibatan

dua domain konseptual utama merupakan elemen penting dalam pembentukan metafora konseptual, iaitu domain sumber dan domain Sasaran. Domain sumber yang melibatkan unsur konkret merupakan domain konseptual, dan tempat untuk memperoleh ekspresi konseptual, manakala domain Sasaran pula merupakan domain konseptual yang cuba difahami oleh manusia.

Selain itu, metafora konseptual juga merupakan bentuk mekanisme kognitif manusia untuk memahami entiti abstrak melalui entiti konkret. Hal ini bermaksud, untuk memahami makna sesuatu kata, pengalaman kognitif diperlukan dan satu domain perlu dipetakan kepada domain yang lain. Pembentukan metafora konseptual juga dapat membantu menyusun dan menstrukturkan fikiran dalam bentuk pengalaman badaniah yang diperoleh oleh manusia berdasarkan pengalaman hidup. Biasanya, pengalaman yang wujud dalam diri manusia ini diperoleh berdasarkan persekitaran sekeliling, seperti budaya, agama, adat, pendidikan, faktor geografi dan sebagainya. Hal ini selaras dengan pandangan Rozaimah (2016) yang menyatakan bahawa seseorang individu sentiasa menggunakan fikiran yang bersifat metaforikal untuk mengkonsepkan diri, lingkungan sosial dan alam sekeliling. Lakoff dan Johnson (1980) membahagikan metafora konseptual ini kepada tiga jenis, iaitu metafora struktural, metafora orientasi, dan metafora ontologi. Jadual 3 menunjukkan bilangan dan peratusan jenis metafora konseptual yang terdapat dalam buku *Falsafah Hidup*.

**Jadual 3** Bilangan dan peratusan jenis metafora konseptual dalam buku *Falsafah Hidup*.

Jenis Metafora Konseptual	Bilangan	Peratus
Orientasi	74	50.68
Ontologi	62	42.47
Struktural	10	6.85
Jumlah	146	100

## Metafora Orientasi

Metafora orientasi didefinisikan sebagai metafora ruang yang menjadi struktur untuk mengkonsep sesuatu dengan sesuatu yang lain. Lakoff dan Johnson seperti yang dinyatakan dalam Rozaimah (2016) menyatakan bahawa metafora orientasi merupakan metafora yang mengorganisasikan, mengatur dan menyusun keseluruhan konsep dengan mengambil kira konsep yang lain. Dengan erti kata lain, metafora jenis ini melibatkan dan mengambil kira pengetahuan, maklumat asas, serta pengalaman seseorang individu tentang persekitaran fizikal apabila mengatur orientasi arah dalam kehidupan sehari-hari. Oleh sebab setiap manusia didasari oleh pengalaman, pengetahuan, dan budaya yang berbeza-beza, metafora orientasi yang dihasilkan berbeza-beza. Berdasarkan orientasi ruang ini, metafora ini dibina daripada andaian bahawa individu mempunyai pengetahuan asas tentang persekitaran dan keadaan sekelilingnya. Hal ini membawa kepada konsep makna atau peluasan makna, seperti arah atau kedudukan. Antara metafora orientasi yang biasa terbentuk termasuklah DALAM–LUAR, ATAS–BAWAH, HADAPAN–BELAKANG, KELUAR–MASUK, SUMBER–SASARAN, dan PUSAT–PINGGIRAN yang dipetakan kepada domain bukan ruang. Contohnya, orientasi SUMBER–SASARAN yang menghasilkan metafora konseptual PERJUANGAN ADALAH PERJALAN dapat terbentuk daripada ungkapan “...sejak lahir sampai masanya berjuang menuju dewasa, yang dinamakan zaman pancaroba...”

Bilangan metafora konseptual jenis orientasi dalam buku *Falsafah Hidup* ini mencatatkan bilangan tertinggi berbanding dengan metafora ontologi dan metafora struktural. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran Hamka ketika memerihalkan falsafah kehidupan masyarakat dahulu dan kini diaplikasikan dalam bentuk konsep orientasi, seperti arah dan kedudukan untuk menzahirkan konsep AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN. Misalnya, metafora AKAL banyak menghasilkan metafora konseptual jenis orientasi, iaitu AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS. Bagi metafora konseptual jenis ini, domain sumber TAHAP melalui skema imej TATATINGKAT ini menunjukkan bahawa wujudnya unsur pengaliran yang merangkumi arah dan pergerakan ATAS–BAWAH yang dapat memperlihatkan peringkat, tingkat, atau kedudukan yang memandu manusia untuk menemukan perbezaan.

Berdasarkan metafora konseptual AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS juga, dapat dilihat bahawa kedudukan AKAL dalam kehidupan manusia menurut Hamka adalah yang paling utama, yang perlu dipelihara dan yang paling mulia (Hamka, 2019). Baginya, akal merupakan muara daripada pengetahuan luar dan dalam, serta alam yang dapat membina proses berfikir yang membawaikan ilmu. Hal ini bermaksud, keupayaan dan kekuatan AKAL dapat memutuskan sesuatu perkara dengan alasan yang didasari oleh pelbagai ilmu yang dimiliki (Hamka, 2019). Jika akal atau minda manusia tidak diisi oleh ilmu pengetahuan, kelemahan berfikir manusia terserlah.

Keadaan ini sekali gus memperlihatkan sifat akal yang tidak tetap, berubah-ubah, dan boleh mendatangkan kesan terhadap fikiran manusia melalui tingkat kedudukannya yang berada di atas dan di bawah. Dalam erti kata lain, akal bukan sahaja perlu dijaga, tetapi disuburkan fungsinya dengan cara membanyakkan membaca dan berfikir. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan metafora konseptual jenis orientasi ini amat penting untuk memperlihatkan kedudukan, tahap, dan tingkat sesuatu perkara dalam menentukan nilainya.

### Metafora Ontologi

Metafora ontologi memberarkan dan membolehkan manusia berfikir dan menggambarkan pengalaman yang abstrak melalui unsur yang konkrit, wujud, dan nyata. Dalam erti kata lain, metafora jenis ini memberarkan manusia memahami pengalaman yang abstrak melalui unsur atau entiti yang lebih konkret. Metafora ini juga membolehkan manusia melihat sesuatu atau konsep yang tidak dapat dikesan oleh pengalaman deria sebagai sesuatu yang konkret, boleh dilihat, disentuh dan dirasa. Rozaimah (2016) menyatakan bahawa pengalaman abstrak ini merangkumi emosi, idea, fenomena, aktiviti, persekitaran, atau perkara lain yang berunsurkan abstrak.

Melalui metafora jenis ontologi ini, pengalaman atau sesuatu yang abstrak dapat dipetakan atau dikonseptualisasikan kepada entiti konkret yang tidak khusus, seperti objek, bekas, benda, bahan atau tempat. Contohnya, leksikal **fikiran** dalam ujaran “...segala sesuatu yang maujud untuk dimasukkan ke dalam fikiran” menghasilkan metafora konseptual FIKIRAN ADALAH SEBUAH BEKAS. Dalam konteks ini, leksikal **dalam** memperlihatkan bahawa FIKIRAN digambarkan sebagai sebuah

bekas kerana mempunyai ruang dan kawasan yang boleh diletakkan sesuatu di dalamnya.

Antara ketiga-tiga data metafora ini, didapati bahawa penggunaan metafora konseptual jenis orientasi agak menonjol, iaitu AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN. Kebanyakan metafora ontologi ini mengkonsepsikan AKAL ADALAH ALAT, dan KEHIDUPAN DAN FIKIRAN ADALAH SEBUAH BEKAS. Hal ini memperlihatkan bahawa pemikiran Hamka ketika mengkonsepsikan falsafah hidup menerusi akal, kehidupan dan fikiran dizahirkan dalam pelbagai bentuk, seperti sebuah bekas dan alat yang berguna. Contohnya, metafora konseptual AKAL ADALAH ALAT dapat membantu pembaca memahami fungsi akal. Dalam hal ini, akal mampu membentuk dan membina keupayaan berfikir untuk melahirkan kewarasan fikiran manusia. KEHIDUPAN DAN FIKIRAN ADALAH SEBUAH BEKAS pula dapat memberikan gambaran kepada minda manusia bahawa kehidupan dan fikiran merupakan dimensi ruang yang boleh diisi inti pati di dalamnya dengan pelbagai perkara yang positif. Secara tidak langsung, pengkonsepsian ini membayangkan pemikiran Hamka dalam memerihalkan kehidupan masyarakat dahulu dan masyarakat kini yang sering menggunakan kaedah berfikir secara simbolik. Hal ini bermakna, manusia berusaha menjelaskan sesuatu yang sukar digambarkan melalui konsep metafizik, iaitu ilmu pengetahuan tentang alam yang luar biasa dan tidak kelihatan, serta bersifat abstrak.

### **Metafora Struktural**

Metafora struktural ini mengambil item yang berstruktur dalam pengalaman hidup untuk dijadikan sebagai sumber domain untuk memahami konsep abstrak yang lain. Dengan erti kata lain, metafora struktural ini merujuk sistem metafora yang menyampaikan konsep kompleks yang berunsurkan abstrak melalui konsep yang konkret dan lebih khusus. Metafora jenis ini juga merupakan metafora gabungan yang wujud antara metafora orientasi dengan metafora ontologi (Lakoff & Johnson seperti yang dinyatakan dalam Rozaimah, 2016). Perkara ini menjadikan metafora ini agak sukar dan kompleks kerana memerlukan pembaca atau pendengar menukar domain asas kepada domain sasaran. Metafora jenis struktural ini dapat difahami dengan lebih mudah apabila sesuatu yang abstrak dikonsepsikan melalui entiti konkret yang lebih

khusus, seperti BINAAN, PAKAIAN, HARTA YANG BERNILAI, SIFAT HAIWAN YANG GANAS, TUMBUHAN, SIFAT HAIWAN YANG TIDAK BERAKAL dan PERJALANAN.

Bagi metafora konseptual jenis ini, Hamka mengambil item berstruktur melalui pengalaman hidup dan pemerhatian terhadap persekitaran sekeliling melalui penghasilan metafora konseptual ILMU ADALAH HARTA YANG BERNILAI dan KEHIDUPAN ADALAH BINAAN. Maksud bernilai ialah ilmu itu diumpamakan sebagai pelita yang mampu menerangi kegelapan. Selain menjadi petunjuk untuk memperoleh kehidupan yang bahagia, ilmu juga mampu membawa manusia keluar daripada suatu kekeliruan berbekalkan ilmu yang diperolehnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Rozaimah (2016), pemilihan item berstruktur yang konkrit ini hasil hubungan antara manusia dengan alam. Dengan erti kata lain, penghasilan metafora konseptual jenis struktural untuk menghasilkan metafora AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN adalah berdasarkan pengalaman yang diperoleh secara empirikal daripada alam sekeliling oleh Hamka untuk dipersembahkan kepada pembaca. Misalnya, inti pati penulisannya yang berkaitan dengan kehidupan yang bersifat abstrak itu disamaartikan dengan binaan, iaitu sesuatu yang dibina atau dibangunkan. Secara tidak langsung, pengkonsepsian falsafah hidup manusia yang bersifat abstrak ini dapat memberikan pemahaman makna yang jelas, sekali gus mudah difahami oleh pembaca.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga jenis metafora konseptual, iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural yang hadir dalam buku *Falsafah Hidup* yang ditulis oleh Hamka bagi metafora AKAL, FIKIRAN dan KEHIDUPAN, serta 80 domain metafora yang lain. Metafora orientasi menggambarkan AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN yang berpandukan konsep ruang dan pengaliran yang melibatkan kedudukan dan pergerakan. Kehadiran metafora jenis ini mencatatkan bilangan tertinggi berbanding dengan metafora ontologi dan metafora struktural. Metafora ontologi pula memperlihatkan konsep AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN yang diumpamakan sebagai entiti konkrit yang bersifat tidak khusus yang hadir dalam bentuk yang pelbagai. Seterusnya, metafora struktural mengambil item berstruktur dalam pengalaman hidup untuk mengkonsepkan benda abstrak ketika memerihalkan falsafah kehidupan, seperti akal, kehidupan,

fikiran dan sebagainya. Pola metafora konseptual bagi metafora AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN yang berjaya dicungkil daripada buku *Falsafah Hidup* karya Hamka ini ditunjukkan dalam Bahagian Lampiran.

## PERBINCANGAN

Metafora yang wujud dalam buku *Falsafah Hidup* dapat dikategorikan kepada dua bentuk metafora, iaitu metafora konvensional dan metafora linguistik. Metafora konvensional memperlihatkan empat bentuk perbandingan, iaitu peribahasa, kiasan, simpulan bahasa, dan perumpamaan. Perumpamaan yang merujuk perbandingan makna dikenal pasti melalui leksikal **laksana** dan **seperti**, contohnya menerusi ungkapan **kehidupan laksana tenunan**. Kiasan yang membawa maksud perbandingan dengan mengiaskannya dengan sesuatu yang lain dapat dilihat menerusi ungkapan **jangan jadi batu penarung**. Peribahasa yang merujuk ayat yang mempunyai maksud tertentu secara berkias, berlapik atau tersirat dapat dilihat dalam ungkapan **bertepuk sebelah tangan**. Simpulan bahasa dapat dilihat menerusi ungkapan **jatuh hatinya**. Keempat-empat ungkapan ini merupakan bentuk metafora konvensional yang turut mengalami proses pemetaan dua domain dan menghasilkan metafora konseptual. Contohnya, ungkapan **tidaklah didapati dua manusia mempunyai jalan hidup yang sama menghasilkan** metafora konseptual KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN. Metafora linguistik pula merupakan ungkapan yang disampaikan secara implisit atau mempunyai makna di sebaliknya. Frasa, seperti **aliran hidup**, **merosakkan akal**, dan **dalam fikiran** merupakan ungkapan metafora linguistik yang berjaya dirungkaikan dalam kajian ini. Sebagaimana proses pemetaan domain yang dilalui oleh metafora konvensional, metafora linguistik turut terlibat dalam penghasilan metafora konseptual.

Dalam kajian ini, hasil pemetaan dua domain yang melibatkan unsur abstrak dan konkrit untuk menghasilkan metafora konseptual dapat membantu pembaca memahami unsur abstrak melalui perkara yang bersifat konkrit. Contohnya, KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN, AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS, dan FIKIRAN ADALAH SEBUAH BEKAS merupakan metafora konseptual yang berjaya dihasilkan daripada metafora AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN.

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa data metafora yang diperoleh daripada empat bab buku tersebut kebanyakannya diwakili oleh metafora linguistik. Hal ini menjadikan data keseluruhan kajian yang dipilih untuk dianalisis ialah data berbentuk metafora linguistik.

Melalui pengenalpastian terhadap dua bentuk metafora ini, penemuan terhadap tiga domain tertinggi juga dapat dilakukan. Domain AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN merupakan tiga domain tertinggi berdasarkan kekerapannya dalam bab satu hingga bab empat buku *Falsafah Hidup*. Hal ini menjawab persoalan objektif kedua kajian ini yang dianalisis berdasarkan kerangka Teori Hibrid melalui proses tiga serangkai. Tiga proses utama, iaitu proses pentaabiran, proses metarepresentasi dan proses simulasi, dapat memperlihatkan bahawa *ad hoc penyempitan* dapat digunakan. Proses simulasi ini juga memaparkan penggunaan skema imej yang pelbagai. Antaranya termasuklah skema imej KITARAN, ATURAN LINEAR, OBJEK, BEKAS, PENGHUBUNG, TATATINGKAT, UKURAN, BAHAGIAN-KESELURUHAN dan LALUAN. Penghasilan skema imej ini hasil daripada domain DAYA, TAHAP, IKATAN, PEMILIKAN, ENTITI dan BEKAS yang tercetus daripada proses simulasi semasa perkara tersebut berlaku.

Seterusnya semua proses ini turut menyumbang kepada pembinaan rantau konseptual bagi metafora AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN. Rantau konseptual bagi ketiga-tiga domain yang tertinggi ini berjaya dihasilkan untuk membentuk pemahaman makna kata dalam kognisi minda manusia. Pembinaan rantau konseptual ini turut menyumbang kepada pengelompokan tiga jenis metafora, iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Walaupun ketiga-tiga metafora ini mendukung ciri dan fungsi yang berbeza, perbezaan ini secara tidak langsung memperlihatkan kewujudan persamaan ketika mengkonsepkan akal, fikiran dan kehidupan. Contohnya, KEHIDUPAN DAN FIKIRAN ADALAH SEBUAH BEKAS dan AKAL DAN KEHIDUPAN ADALAH IKATAN.

Walaupun akal, fikiran dan kehidupan mendukung makna dan fungsi yang berbeza, tiga perkaitan ini sangat akrab yang melengkapi antara satu dengan lain. Bukti ini berdasarkan bilangan kekerapannya yang paling tinggi dalam penghasilan metafora konseptual. Metafora

akal mencatatkan bilangan tertinggi (19 data), diikuti oleh metafora kehidupan (13 data) dan metafora fikiran (12 data). Hal ini membuktikan bahawa konsep akal yang diutarakan oleh Hamka merupakan elemen penting sebagai jambatan falsafah untuk bertemu dengan Tuhan, selain menentukan buah akhlak dan melahirkan kewarasan akal manusia. Metafora konseptual AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS dan KEHIDUPAN ADALAH PENGHUBUNG turut memperlihatkan bahawa pendefinisian kehidupan menyumbang kepada penemuan fungsi akal. Baginya, kegagalan untuk menemukan fungsi akal ialah faktor dan pencetus masalah dalam fikiran dan kehidupan manusia.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, selain memperluas kajian bidang semantik, kajian ini juga telah menyumbang pandangan baharu dalam kajian metafora terhadap karya terdahulu dari perspektif linguistik dan kognitif, serta bidang pragmatik. Menerusi pengaplikasian Teori Hibrid, kajian metafora bukan sahaja dapat dianalisis secara teratur dan sistematik, malah mampu dihuraikan dengan lebih menyeluruh melalui pembuktian tiga proses utama dan penghasilan rantaui konseptual. Hal ini turut membuktikan bahawa pengaplikasian Teori Hibrid yang digunakan untuk menghuraikan makna metafora adalah bersesuaian. Selain itu, penerapan kerangka Teori Hibrid untuk meneliti dan merungkaikan makna metafora yang pelbagai merupakan satu cabang alternatif baharu untuk melihat keberhasilan Teori Hibrid yang bukan hanya dapat diteliti unsur abstrak yang bersifat emosi, namun dapat diperluas penggunaannya terhadap entiti abstrak untuk mengkonsepkan perihal kehidupan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

## RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Aziz. (2009). *Nilai mencapai kehidupan sejahtera: Pandangan Hamka*. Utusan Publication Distributors.
- Awang Had Salleh & Abdul Razak Abu. (1990). *Budi*. Marwilis Publisher & Distributors.
- Awang Sariyan. (1992). *Koleksi warisan tikaman Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carston, R. (2002). Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication. Blackwell Publishing.
- Dadang Mahdar. (2014). Kedudukan akal dalam al-Quran dan fungsinya dalam pendidikan hukum Islam. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Hamka. (2019). *Falsafah hidup*. PTS Publishing House.
- Hawkes, T. (1972). *Metaphor*. Methuen and Co. Ltd.
- Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-'Arab*, 6. Dar al-Ma'arif.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2014). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kövecses, Zoltan. (2010). *Metaphor: A practical introduction* (2nd Ed.). Oxford University Press.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (2nd ed.). Sage.
- Lakoff, G, & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*. University of Chicago Press.
- Lakoff, G. (1992). The contemporary theory of metaphors. Dlm. Andrew, O. (pnyt). *Metaphor and thought* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Maslida Yusof. (1999). Makna bukan literal: Kes metafora dan hiperbolika. *Jurnal Dewan Bahasa*, 4–9.
- Muhammad Haji Salleh. (2002). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fadzllah Zaini. (2015). Metafora ADAT dalam pantun Melayu. Kolokium Bahasa Linguistik dan Komunikasi, Akademi Pengajian Bahasa UiTM. 7-9 September 2015.
- Mustafa Daud. (1992). *Sastera dakwah: Satu analisis kritis terhadap karya kreatif HAMKA* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Nirwana Sudirman, Zulkifley Hamid, Masitah Mad Daud & Nik Zulaiha Zakaria. (2017) *Metafora konsepsi dan skema imej sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

ROZAIMAH RASHIDIN, NOR UMIUMAIRAH MOHAMAD DAN  
ZURAIDAH JANTAN

- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin, & Zaharani Ahmad. (2012). Perluasan makna alim: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(12), 457–473.
- Nur Faizah Mohd Zalkarnil. (2016). Metafora HATI dalam korpus tradisional dan korpus kontemporari: Satu analisis Teori Hibrid [Tesis Sarjana Muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Mara.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ravi Nagarathanam. (2015). Hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku terhadap keinginan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan prasiswazah India di institut pengajian tinggi sekitar Bangi [Tesis Sarjana yang diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia]. ResearchGate.
- Rokim Mohd. (2017). Konsep pendidikan akal dalam perspektif Hamka. *Pancawahana: Jurnal Studi Islam*, 12(2).
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2008). *Rasuah dalam karya sastera Melayu klasik: Satu analisis semantik kognitif*. e-BANGI: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(1). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora kasih dalam teks Melayu tradisional: Analisis teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 17(1), 19–28.
- Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Metafora konsepsi emosi marah dalam data korpus teks tradisional Melayu. Seminar Linguistik Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozaimah Rashidin. (2016). Metafora emosi dalam data korpus teks tradisional Melayu: Analisis Teori Hibrid [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siddiq Fadzil. (2001). HAMKA: Mengangkat martabat umat dan tamadun Melayu: Tinjauan apresiatif terhadap pemikiran HAMKA. Dlm. *HAMKA dan transformasi sosial di alam Melayu*, 1–20. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition* (2nd ed.). Oxford.
- Stöver, Hanna. (2010). Metaphor and relevance theory: A new hybrid model [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Bedfordshire.
- Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. (2017). Kehidupan adalah perjalanan: analisis metafora konseptual dalam Salina dan La Vie Devant Soi. *AKADEMIKA*, 87(1), 189–205.

- Tendahl, M. (2009). *A hybrid theory of metaphors: relevance theory and cognitive linguistics*. Palgrave Macmillan.
- White, M. D., & Marsh, E. E. (2006). Content analysis: A flexible methodology. *Library Trends*, 55(1), 22–45.
- Za'ba. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaid Mohd Zin & Wan Suhaila Wan Idris. (2017). Kajian persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*, 7. Universiti Malaya.

## LAMPIRAN

**Jadual 1** Pola jenis metafora konseptual AKAL dalam buku *Falsafah Hidup*.

Jenis Metafora	Metafora Konseptual	Domain Sumber	Skema Imej	Bil.
Orientasi	AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS	SKALA	TATATINGKAT	3
	AKAL ADALAH TATATINGKAT DI BAWAH	SKALA	TATATINGKAT	1
	AKAL ADALAH UKURAN YANG BERTAMBAH	SKALA	UKURAN	1
	AKAL ADALAH ENTITI YANG DITIMBANG	SKALA	UKURAN	1
	AKAL ADALAH PENGHUBUNG	IKATAN	PENGHUBUNG	1
	AKAL ADALAH PERJALANAN	PERJALANAN	LALUAN	1
	AKAL ADALAH DAYA	DAYA	DAYA	1
	AKAL ADALAH PERGERAKAN	PERGERAKAN	ATURAN LINEAR	1
Ontologi	AKAL ADALAH ALAT	ENTITI	OBJEK	2
	AKAL ADALAH OBJEK YANG TAJAM	ENTITI	OBJEK	1

Sambungan Jadual 1.

<b>Jenis Metafora</b>	<b>Metafora Konseptual</b>	<b>Domain Sumber</b>	<b>Skema Imej</b>	<b>Bil.</b>
	AKAL ADALAH OBJEK YANG BOLEH DITIMBANG	ENTITI	OBJEK	1
	AKAL ADALAH OBJEK	ENTITI	OBJEK	1
	AKAL ADALAH ENTITI YANG BERGUNA	ENTITI	OBJEK	1
	AKAL ADALAH ENTITI YANG BOLEH DIROSACKAN	ENTITI	OBJEK	1
	AKAL ADALAH KUASA	KUASA	OBJEK	1
Struktural	AKAL ADALAH PENGHUBUNG	IKATAN	PENGHUBUNG	1
<b>Jumlah</b>				<b>19</b>

**Jadual 2** Pola jenis metafora konseptual KEHIDUPAN dalam buku *Falsafah Hidup*.

Jenis Metafora	Metafora Konseptual	Domain Sumber	Skema Imej	Bil.
Orientasi	KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN	PERJALANAN	LALUAN	3
				1
	KEHIDUPAN ADALAH UKURAN	SKALA	UKURAN	
	KEHIDUPAN ADALAH DAYA	DAYA	DAYA	2
	KEHIDUPAN ADALAH KESEPAKATAN	KESEPAKATAN	BAHAGIAN-KESELURUHAN	1
Ontologi	KEHIDUPAN ADALAH ENTITI HIDUP	ENTITI	OBJEK	2
		BEKAS	BEKAS	2
	KEHIDUPAN ADALAH SEBUAH BEKAS			
Struktural	KEHIDUPAN ADALAH PENGHUBUNG	IKATAN	PENGHUBUNG	2
<b>Jumlah</b>				<b>13</b>

**Jadual 3** Pola jenis metafora konseptual FIKIRAN dalam buku *Falsafah Hidup*.

Jenis Metafora	Metafora Konseptual	Domain Sumber	Skema Imej	Bil
Orientasi	FIKIRAN ADALAH TATATINGKAT DI ATAS	SKALA	TATATINGKAT	1
Ontologi	FIKIRAN ADALAH ENTITI YANG PANJANG	ENTITI	OBJEK	1
	FIKIRAN ADALAH ENTITI YANG TERSUSUN	ENTITI	OBJEK	1
	FIKIRAN ADALAH ENTITI YANG BERGUNA	ENTITI	OBJEK	1
	FIKIRAN ADALAH BEKAS YANG TERBUKA	BEKAS	BEKAS	3
	FIKIRAN ADALAH ENTITI YANG TIMBUL	PERGERAKAN	OBJEK	3
	FIKIRAN ADALAH ENTITI YANG BESAR	SKALA	UKURAN	2
<b>Jumlah</b>			<b>12</b>	